

Ahad, 19 April 2020 | 2:22pm



Produk makanan antara barangan asas yang akan dipantau menjelang Ramadan. -Gambar hiasan

Kompaun maksimum RM50,000 catut harga barang menjelang Ramadan

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Kompaun maksimum sebanyak RM50,000 akan dikenakan kepada peniaga yang dikesan mencatut harga barangan menjelang bulan Ramadan, minggu hadapan.

Pengarah Bahagian Penguat Kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Iskandar Halim Sulaiman, berkata sekiranya peniaga terbabit tidak mampu membayar, mereka akan terus ditangkap dan didakwa di mahkamah.

“Saya memberi amaran kepada kesemua peniaga untuk tidak mencatat harga barang, khususnya keperluan asas ketika negara ini akan memasuki bulan Ramadan, minggu hadapan.

“Kita tidak mahu rakyat negara ini dan pengguna yang mahu melakukan persediaan berpuasa terbeban dengan kenaikan harga barangan yang tinggi disebabkan amalan ini,” katanya kepada BH.

Ditanya mengenai Skim Harga Maksimum menjelang Ramadan, Iskandar menjelaskan ia akan diputuskan tidak lama lagi.

“Kita akan maklum kepada semua mengenai perkara itu nanti,” katanya.

Sementara itu, Iskandar menjelaskan, sebanyak 147 aduan berkaitan bekalan dan harga diterima KPDNHEP pada fasa ketiga Perintah Kawalan Harga (PKP).

“Pada fasa PKP pertama, kita menerima 4,957 aduan manakala pada fasa kedua adalah sebanyak 4,571. Jumlah keseluruhan adalah berjumlah 10,275 aduan setakat ini dengan 42 daripadanya berjaya menghasilkan kes.

“Pemantauan juga dilakukan berterusan oleh KPDNHEP dan pada fasa ketiga ini sahaja, sebanyak 4,275 premis diperiksa dan sejumlah RM467,961 rampasan dilakukan,” katanya.

Difahamkan, antara aduan dan pertanyaan adalah berkaitan topeng muka, cecair pembasmi kuman, beras, sayur, telur, bawang, makanan, produk makanan dan barangan asas.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/04/679052/kompaun-maksimum-rm50000-catut-harga-barang-menjelang-ramadan>

